

C/12/02/2023

20 FEBRUARI 2023

Premier Sarawak rasmi Forum Minggu Keharmonian Antara Agama Malaysia 2023

KUCHING, 20 Jan: Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Openg menyempurnakan majlis perasmian Forum Minggu Keharmonian Antara Agama Malaysia 2023 bersempena Sambutan Perayaan 60 Tahun Sarawak Merdeka di salah sebuah hotel di sini, hari ini.

Ketika ditemui media, Abang Johari memberitahu sebahagian besar daripada peruntukan berjumlah RM100 juta kepada UNIFOR akan digunakan untuk membaiki sekolah mubaligh di Sarawak, khususnya bagi membaiki rumah-rumah ibadah.

Antaranya menurut beliau termasuk St. Thomas di Kuching dan sekolah luar bandar yang perlu bantuan seperti sekolah mubaligh Seventh Day Adventist (SDA), sekolah Methodist dan sebagainya.

Forum tersebut dihadiri oleh seramai 1,040 peserta yang diadakan bersempena dengan majlis Keharmornian Antara Agama Malaysia Edisi ke-3 2023 anjuran Unit untuk Agama Lain (UNIFOR) bersama-sama dengan Pusat Maklumat Islam Sarawak (SIIC), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Sarawak yang disokong oleh Pejabat Premier Sarawak.

Dengan 'Love of God, Love of the neighbour, Love of the Good and Love of the neighbour', forum bertujuan mempromosikan nilai hormat, penghargaan, dan

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA NEGERI SARAWAK

Tingkat 1, Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako

Petrajaya 93050, Kuching, Sarawak

Tel : (08) 2319 700 Fax : (08) 2319 711 e-mel : pensarawak@inform.gov.my

penerimaan dalam kepelbagaian agama dan budaya melalui dialog, pendidikan dan kesedaran awam.

Turut hadir ialah Timbalan Premier selaku Menteri yang bertanggungjawab kepada UNIFOR, Datuk Amar Douglas Unggah Embas, Menteri Permodenan Pertanian dan Pembangunan Wilayah Sarawak Dato Sri Stephen Rundi, Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang dan tetamu kehormat yang lain.-TAMAT-

Disediakan oleh: Nur Hani Abdullah (BMKK)

Jurufoto: Jaed Tepus & Lance(BKVS)

Foto 1 : Abang Johari semasa menyampaikan ucapan perasmian pada majlis tersebut.

Foto 2 :Abang Johari bergambar kenangan bersama para tetamu kenamaan dan para peserta Forum.

Gambar 3: Ahli-ahli panel yang hadir pada Forum tersebut.

Gamba 4: Ketibaan Abang Johari (dua kiri) pada majlis tersebut.